

10 MAY 2003

S'pura-Musa

NASIHAT BEKAS TPM KEPADA PAK LAH: JADILAH DIRI SENDIRI

Oleh: Salbiah Said

SINGAPURA, 10 Mei (Bernama) -- Bekas Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Musa Hitam menyifatkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai orang yang bukan mudah untuk sesiapaapun menyainginya, dan menasihatkan pengganti beliau supaya jadilah diri sendiri.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tidak harus cuba mengikut jejak Dr Mahathir dan buatlah seperti biasa, kata Musa dalam satu temubual bersama akhbar Today di pejabatnya di Kuala Lumpur.

Di mesyuarat agung ke 57 MIC di Kuala Lumpur hari ini, Dr Mahathir mengulangi keputusannya untuk berundur daripada jawatan Perdana Menteri pada Oktober ini dan beliau juga tidak akan mengetuai Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya umum akan datang.

"Dr Mahathir secara literal melakukan sendiri segala-galanya - beliau mempunyai idea-idea, beliau mengutarakannya ...beliau melaksanakan idea-idea itu, dan rakan-rakannya dalam Kabinet dan juga seluruh sistem mengikut beliau dalam menjayakan apa yang beliau cipta," kata Musa.

"Badawi (Abdullah) tidak boleh menjadi personaliti atau pemimpin yang sama. Jadi, apa yang Badawi akan perlukan ialah satu pasukan sandaran yang baik, satu pasukan yang lebih kreatif," kata Musa.

Menurut akhbar Today, kemelut yang disebabkan oleh keganasan dan perkembangan politik antarabangsa akan mencabar kezaman Abdullah dalam menangani krisis, tetapi Musa berasa optimistik: "Ia mungkin agak mencabar tetapi saya rasa beliau akan berjaya."

Akhbar itu berkata Musa yang merupakan Timbalan Perdana Menteri dari 1981 hingga 1986 meletakkan jawatan kerana berbalah dengan Dr Mahathir berhubung isu-isu seperti perlantikan politik.

Menurut akhbar itu lagi, pada masa itu Musa meletakkan jawatan kerana Dr Mahathir tidak lagi percaya dengan beliau.

"Saya tahu saya mempunyai perbezaan pendapat dengan beliau dan saya rasa saya sendiri tidak mungkin dapat mengikut jejaknya," dan Musa menambah kata beliau tidak pernah kesal dengan perpisahan itu.

Sejak beliau meninggalkan jawatan itu, Musa telah berkhidmat dalam beberapa jawatan penting bagi kerajaan Malaysia, yang terakhir ialah sebagai Pengerusi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam).

-- BERNAMA

SS MFJ PR